

# KUIZ PELABURAN PNB: PELAJAR SPE WAKILI UMS

**S**eramai 3 orang pelajar SPE telah menyertai Kuiz Pelaburan PNB yang berlangsung pada 3-4 Sept 2007 yang diadakan di Kuala Lumpur. UMS yang diwakili oleh pelajar-pelajar SPE seramai 3 orang telah menyertai pertandingan menerusi kategori peringkat Universiti. Objektif pertandingan yang dianjurkan oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB) adalah untuk memberi pendedahan dan pendidikan mengenai perkaitan antara risiko dan pulangan pelaburan selain menguji pengetahuan pelajar berkaitan dengan isu-isu berkaitan pelaburan selain menekankan faedah melabur dan keuntungan yang diperolehi. Menurut En.Jainurin Justine @ Aziz yang mengiringi pelajar-

pelajar tersebut sepanjang pertandingan berpendapat bahawa pertandingan seumpama ini akan dapat mencungkil bakat serta mendedahkan pengalaman yang berguna kepada pelajar-pelajar khususnya memahami fungsi serta kepentingan pelaburan mengurus pelaburan dengan baik.

Mengulas mengenai pencapaian UMS dalam pertandingan tersebut, beliau menyarankan agar pelajar-pelajar yang mewakili UMS khususnya dari SPE agar dapat mengandakan usaha dengan melakukan latihan melalui kemudahan Makmal Saham yang terdapat di Sekolah Perniagaan & Ekonomi bagi bersaing dengan pasukan universiti lain yang lebih bersedia dari segi persediaan. Format pertandingan yang dijalankan secara ujian bertulis dan gameshow benar-benar mencabar daya fikir peserta-peserta pertandingan.

Format pertandingan adalah berbentuk ujian bertulis serta gameshow.